

**KAEDAH *AL-FIQH AL-MUQĀRAN*  
SEBAGAI SATU REKA BENTUK KAJIAN  
BERTERASKAN ISLAM**  
**The Method of *al-Fiqh al-Muqāran* as an  
Islamic-Based Research Design**

**Amiruddin Yusof<sup>\*</sup>**

**Shahir Akram Hassan<sup>\*\*</sup>**

**Abdul Hanis Embong<sup>\*\*\*</sup>**

**ABSTRACT**

*The al-Fiqh al-Muqāran method is a research methodology employed by both classical and contemporary Islamic scholars. However, in the current research context, it is not formally*

---

\* Doctoral Candidate, Centre for Fundamental and Continuing Education (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: aby\_jilul19@yahoo.com

\*\* Associate Professor, Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Penang, Malaysia; Visiting Fellow, Research Institute of Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: shahirakram@usm.my

\*\*\* Associate Professor, Centre for Fundamental and Continuing Education (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia; Visiting Fellow, Research Institute of Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: hanis.embong@umt.edu.my

*recognized as a research design, even though it is used in various studies. This raises an important question: can the al-Fiqh al-Muqāran method be established as an Islamic-based research design? To address this question, this study outlines two main objectives: first, to identify the al-Fiqh al-Muqāran method; and second, to analyze it as an Islamic-based research design. This study employs document analysis of various sources and uses content analysis as the primary method of interpretation. The findings reveal that the al-Fiqh al-Muqāran method involves examining and comparing the views of jurists from various Islamic schools of thought, in order to determine the most valid and suitable opinion for addressing the issue under study. Furthermore, the study concludes that the al-Fiqh al-Muqāran method meets the characteristics of a research design and can be applied as an Islamic-based research framework, particularly within Islamic social sciences .*

**Keywords:** *al-Fiqh al-Muqāran, Comparative Study, Islamic-Based Research Method, Islamic-Based Research Design.*

## **PENDAHULUAN**

Reka bentuk kajian merupakan salah satu elemen penting dalam penyelidikan kerana ia berfungsi sebagai pelan atau kerangka utama yang menentukan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Dalam penyelidikan konvensional, reka bentuk kajian lazimnya dikategorikan kepada beberapa bentuk seperti kualitatif, kuantitatif, dan kajian campuran, yang masing-masing mempunyai pendekatan, kaedah pengumpulan data, serta kaedah analisis data yang tersendiri. Reka bentuk ini bukan sahaja memandu proses pengumpulan dan analisis data, bahkan juga menjamin keselarasan antara objektif kajian, persoalan kajian, dan dapatan yang diperolehi. Justeru, penetapan reka bentuk kajian yang sesuai merupakan langkah awal yang kritikal dalam memastikan keberkesanan dan ketepatan sesuatu penyelidikan.

Dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam juga, antara elemen penting yang perlu ditetapkan terlebih dahulu ialah reka bentuk kajian.<sup>1</sup> Sehingga kini, terdapat beberapa reka bentuk kajian berteraskan Islam yang telah dikaji. Antaranya reka bentuk kajian berdasarkan kaedah tafsir,<sup>2</sup> reka bentuk kajian berdasarkan kaedah mantik<sup>3</sup> dan reka bentuk kajian berdasarkan proses penfatwaan.<sup>4</sup> Reka bentuk kajian ini dikaji berdasarkan disiplin-disiplin ilmu Islam seperti tafsir, hadis, usul fiqh yang telah digunakan oleh ilmuwan Islam dalam karya mereka. Tidak ketinggalan juga dalam disiplin ilmu fiqh, ilmuwan Islam menggunakan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* untuk menganalisis dan membandingkan pendapat yang berbeza dalam penentuan hukum tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan perbuatan seseorang mukallaf. Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* juga dilihat mampu melengkapkan lagi kaedah penyelidikan berteraskan Islam khususnya dalam reka bentuk kajian. Hal ini disokong oleh Shahir Akram Hassan<sup>5</sup> yang menyatakan bahawa ilmu syariah atau *'aqliyyah* berpotensi untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Justeru, kajian ini ditulis bertujuan mengenalpasti dan menganalisis kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai reka bentuk kajian berteraskan Islam.

---

<sup>1</sup> Shahir Akram Hassan, “Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Berdasarkan Disiplin-Disiplin Ilmu dalam Epistemologi Islam,” dalam *Konferensi Internasional Pembangunan Islami (KIPI 3)* (Universitas Jember, Indonesia, 21–23 September 2016), 4.

<sup>2</sup> Abdul Hanis Embong, “Aplikasi Kaedah Tafsir Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam” (tesis doktor falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2017), 382-386.

<sup>3</sup> Umi Zulaika Abd Rashid, “Aplikasi Istiqrā’ dalam Kaedah Penyelidikan Islam” (disertasi sarjana, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2016), 78-85.

<sup>4</sup> Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, “Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam” (tesis doktor falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2014), 196-205.

<sup>5</sup> Shahir Akram Hassan, “Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Berdasarkan Disiplin-Disiplin Ilmu dalam Epistemologi Islam,” dalam *Konferensi Internasional Pembangunan Islami (KIPI 3)* (Universitas Jember, Indonesia, 21–23 September 2016), 4.

Kajian ini merangkumi empat perkara. Pertama, metodologi kajian ini dilakukan. Kedua, perbincangan kajian yang membincangkan tentang reka bentuk kajian berteraskan Islam, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*, pemilihan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai reka bentuk kajian berteraskan Islam dan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*. Ketiga analisis kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* daripada reka bentuk kajian berteraskan islam. Keempat, kesimpulan kajian.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kualitatif asas. Pengumpulan data dilakukan berdasarkan kajian dokumen daripada pelbagai sumber seperti artikel jurnal, tesis, buku-buku yang berkaitan dengan reka bentuk kajian berteraskan Islam dan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*.<sup>6</sup> Analisis pula dilakukan melalui kaedah analisis kandungan yang merumuskan dapatan dengan tema yang sesuai dengan objektif kajian.<sup>7</sup>

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Perbincangan dalam kajian ini merangkumi empat sub topik iaitu reka bentuk kajian berteraskan Islam, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*, pemilihan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai reka bentuk kajian berteraskan Islam dan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*.

### **Reka Bentuk Kajian Berteraskan Islam**

Sebelum membincangkan reka bentuk kajian berteraskan Islam, perlu difahami terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan reka bentuk kajian dalam metodologi penyelidikan moden. Creswell mendefinisikan reka bentuk kajian sebagai suatu rancangan atau pelan yang merangkumi tiga elemen asas, iaitu andaian falsafah (*philosophical assumptions*), strategi penyelidikan (*strategies of inquiry*), dan kaedah-kaedah spesifik (*specific methods*) yang saling berhubung kait dalam satu kerangka yang menyeluruh. Ini

---

<sup>6</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017), 147-156.

<sup>7</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor: Penerbit Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 63-67.

bermakna reka bentuk kajian bukanlah sekadar satu alat atau teknik yang bersifat tunggal, sebaliknya ia adalah satu arkitektur besar yang memayungi dan mengawal keseluruhan proses penyelidikan dari awal hingga akhir. Selari dengan pandangan ini, Yin pula menjelaskan bahawa reka bentuk kajian adalah urutan logik (*logical sequence*) yang menghubungkan persoalan kajian dengan proses pengumpulan data, penganalisan, sehinggalah kepada rumusan dan kesimpulan kajian. Yin turut menggambarkan reka bentuk kajian sebagai sebuah kerangka (*blueprint*) yang menentukan soalan yang dikaji, data yang relevan, cara pengumpulan data, dan cara menganalisis dapatan, sebuah pelan logik untuk bergerak dari titik soalan ke titik kesimpulan.

Berdasarkan kedua-dua definisi yang dikemukakan oleh Creswell dan Yin ini, jelas bahawa reka bentuk kajian berbeza daripada sebuah metode atau kaedah. Sebuah metode seperti analisis kandungan atau analisis dokumen hanyalah satu alat yang digunakan pada peringkat tertentu dalam proses penyelidikan, sedangkan reka bentuk kajian adalah kerangka yang lebih tinggi kedudukannya yang menentukan bilakah, bagaimanakah, dan mengapakah sesebuah metode itu digunakan. Dengan kata lain, metode berada di bawah naungan reka bentuk kajian, bukan setaraf dengannya.

Walaupun reka bentuk kajian telah lama dibincangkan dalam metodologi konvensional, kajian yang ada dalam konteks penyelidikan Islam masih belum memberikan definisi yang khusus dan jelas mengenainya. Kajian yang ada seperti yang dilakukan oleh Muhammad Syukri Salleh,<sup>8</sup> Ahmad Sunawari Long,<sup>9</sup> Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali,<sup>10</sup> Noor Hisham Md

---

<sup>8</sup> Muhammad Syukri Salleh, "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju," *Pemikir* 54, no. (2008): 133-164.

<sup>9</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor: Penerbit Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 23-27.

<sup>10</sup> Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali, *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 17-23.

Nawi & Burhan Che Daud<sup>11</sup> memberi pentakrifan secara umum sahaja berkaitan dengan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Terdapat kajian yang mengkaji berkaitan tentang reka bentuk kajian yang dibina berteraskan Islam, namun tidak dibincangkan definisinya. Terdapat juga kajian yang mengkaji reka bentuk kajian yang dibina berteraskan Islam, namun tiada dalam kalangan mereka yang mengemukakan definisinya secara khusus. Jurang inilah yang cuba diisi oleh kajian ini.

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, kajian ini mendapati bahawa reka bentuk kajian berteraskan Islam dapat didefinisikan sebagai rancangan menjalankan kajian yang dibina berdasarkan disiplin ilmu dalam epistemologi Islam, digunakan bagi penyelidikan sains sosial yang berkaitan dengan Islam dan masyarakat Islam.

Definisi ini selari dengan pandangan Abdul Hanis Embong,<sup>12</sup> terdapat tiga aspek yang boleh dijadikan titik keserasian antara reka bentuk kajian dan disiplin ilmu dalam Islam. Tiga aspek itu ialah yang pertama, kedua-duanya adalah rancangan penyelidikan. Yang kedua, ia menumpukan terhadap subjek tertentu dalam penyelidikan dan yang ketiga, reka bentuk kajian boleh digabungkan dalam penyelidikan. Titik-titik keserasian ini membuka ruang untuk disiplin-disiplin ilmu Islam diangkat sebagai reka bentuk kajian yang sah dan kukuh.

Menurut Shahir Akram Hassan & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin,<sup>13</sup> disiplin-disiplin ilmu Islam yang telah

---

<sup>11</sup> Noor Hisham Md Nawi dan Burhan Che Daud, *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam* (Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan, 2018), 117-120.

<sup>12</sup> Abdul Hanis Embong, “Aplikasi Kaedah Tafsir Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam” (tesis doktor falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2017), 319-321.

<sup>13</sup> Shahir Akram Hassan dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, “Research Design Based on Fatwa Making Process: An Exploratory Study,” *International Journal of Higher Education* 9, no.6 (2020): 241–246, <https://doi.org/10.5430/ijhe.v9n6p241>.

digunakan oleh ilmuwan Islam terdahulu seperti ilmu mantik, ilmu fiqh, ilmu usul fiqh, ilmu tajwid, ilmu tafsir, ilmu qiraat dan sebagainya menjadi asas kepada pembinaan reka bentuk kajian dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Ini bermakna terdapat pelbagai disiplin ilmu dalam epistemologi Islam yang masih belum digali sepenuhnya dan berpotensi untuk diaplikasikan sebagai reka bentuk kajian yang baharu, khususnya dalam penyelidikan sains sosial Islam.

### **Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran***

Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* terdiri daripada dua frasa iaitu kaedah dan *al-Fiqh al-Muqāran*. Perkataan kaedah bermaksud sesuatu yang menyeluruh yang terpakai pada hukum-hukum yang kecil.<sup>14</sup> Manakala kalimah *al-Fiqh al-Muqāran* terbentuk daripada dua perkataan iaitu, *al-fiqh* dan *al-muqāran*. Menurut al-Zuhaylī, perkataan *al-fiqh* daripada sudut istilah membawa maksud ilmu yang berkait dengan hukum-hukum syarii yang bersifat amali, diperolehi daripada dalil-dalil yang terperinci.<sup>15</sup> *al-Muqāran* pula daripada sudut istilah membawa maksud, perbandingan satu pandangan dengan satu pandangan yang lain, untuk mengenalpasti titik persamaan dan perbezaan, dan mengenalpasti yang manakah lebih tepat dan kuat penghujahannya daripada sudut dalil.<sup>16</sup>

Definisi *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai satu istilah pula ialah mengumpulkan pandangan-pandangan mazhab fiqh dalam hukum syarii, terhadap sesuatu masalah cabang, beserta dengan dalil mereka, kemudian dianalisis melalui perbandingan antara satu sama lain daripada sudut penghujahan, dan lebih dekat daripada sudut kaedah syarak, sehingga dapat dikeluarkan pandangan yang lebih kuat.<sup>17</sup> Menurut al-Durayni pula, *al-Fiqh al-Muqāran* bermaksud:

---

<sup>14</sup> al-Jurjānī, *al-Ta'rifāt* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 171.

<sup>15</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2011), 29. Lihat juga Abdul Wahhab al-Khallaf, *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh* (al-Qahirah: Dar al-Hadith, 2002), 11.

<sup>16</sup> al-Duraynī, *Buḥūth Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Uṣūlihī* (Beirut: al-Muassasah al-Risalah, 2008), 23.

<sup>17</sup> Aḥmad Imām 'Abd al-Samī', *Minhāj al-Ṭālib fī al-Muqāranah bayna al-Madhāhib* (Safat: Dar al-Madār al-Islāmī, 2012), 12.

“Menetapkan pandangan-pandangan mazhab-mazhab fikah di dalam sesuatu isu tertentu, selepas menetapkan titik argumen, disertakan dengan dalil-dalil untuk menyokong pandangan mereka, dan cara penghujahan dalil itu, dan perkembangan dalil itu daripada sudut pandang metodologi usuliyah, penerangan tentang sebab khilaf mereka, seterusnya analisis terhadap dalil mereka dan membandingkannya, mentarjihkan pandangan yang terkuat antara pandangan-pandangan ini, atau lebih diterima daripada sudut metodologi, atau mendatangkan pandangan baharu, dengan disokong dengan dalil yang rajih daripada sudut pandangan pengkaji yang mujtahid.”

Definisi yang dibawa oleh al-Durayni ini lebih terperinci kerana beliau memasukkan setiap komponen yang terlibat dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*. Berdasarkan kedua-dua definisi yang dikemukakan, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dapat difahami sebagai suatu tatacara penyelidikan yang melibatkan perbandingan pandangan antara mazhab-mazhab fiqh dalam sesuatu isu. Pandangan-pandangan tersebut dianalisis secara kritis melalui dalil, seterusnya dipilih pandangan yang dianggap lebih kuat melalui kaedah *al-tarjih*.

### **Pemilihan Kaedah *Al-Fiqh al-Muqāran* Sebagai Reka Bentuk Kajian Berteraskan Islam**

Menurut Sukiati,<sup>18</sup> antara kelebihan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* ialah seseorang penyelidik dapat mengetahui pendapat, konsep, teori, prinsip, metodologi, dan pendekatan yang digunakan oleh ulama mazhab dalam menetapkan sesuatu hukum. Untuk mengeluarkan sesuatu hukum, ulama mengkaji dan meneliti isu yang dihadapi oleh umat Islam secara terperinci berdasarkan kaedah-kaedah dan prinsip dalam mazhab.

---

<sup>18</sup> Sukiati, “Perbandingan Mazhab sebagai Sebuah Metodologi Penelitian,” *Al-Muqararah: Jurnal Perbandingan Hukum dan Mazhab* 3, no.3 (2016): 39-57.

Menurut al-Qawasimah<sup>19</sup> pula, melalui kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*, seseorang penyelidik dapat mengelakkan daripada sifat taasub. Ini merujuk kepada perbandingan terhadap mazhab yang berbeza dan tidak terhad kepada satu mazhab sahaja, iaitu dengan meneliti dalil dan hujah yang dikemukakan oleh setiap mazhab dan justifikasi mereka. Selain itu juga, dengan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* membawa kepada kembalinya kepada ijtihad terhadap isu-isu baharu yang dihadapi oleh umat Islam. Isu seperti penggunaan vaksin, penggunaan kecerdasan buatan, jual beli dalam talian, dan sebagainya sudah pastinya memerlukan jawapan dan solusi. Ijtihad ini boleh dilakukan dengan membuat penyelidikan sama ada dalam mazhab tertentu sahaja atau merentasi mazhab.

Terdapat 3 justifikasi kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dipilih sebagai reka bentuk kajian berteraskan Islam. Pertama, ianya menepati tasawwur dan epistemologi Islam. Kedua, reka bentuk kajian ini lebih holistik dan menyeluruh. Ketiga, ianya sesuai digunakan dalam kajian berteraskan Islam.

### **Komponen Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran***

Perbincangan berhubung dengan *al-Fiqh al-Muqāran* sebenarnya telah pun muncul sejak zaman awal penulisan fiqh, khususnya melalui karya Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*.<sup>20</sup> Kitab ini memperlihatkan bagaimana perbandingan pandangan antara mazhab-mazhab fiqh dilakukan secara sistematik dalam isu-isu hukum yang pelbagai. Meskipun kaedah perbandingan tersebut diaplikasikan dengan begitu jelas, Ibn Rushd tidak memberikan penjelasan secara khusus mengenai komponen-komponen *al-Fiqh al-Muqāran* itu sendiri. Sebaliknya, beliau lebih menumpukan kepada pengumpulan pandangan mazhab, meneliti asas hujah yang digunakan serta menilai kekuatan dalil bagi setiap pendapat bagi setiap mazhab. Hal ini menunjukkan bahawa wacana *al-Fiqh al-Muqāran* sudah wujud dalam amalan ilmuwan Islam terdahulu,

---

<sup>19</sup> Muhammad Isa Muhammad al-Qawasimah, “al-Manhaj al-Muqāran fi al-Baḥṡ al-Fiqhī” (tesis sarjana, tidak diterbitkan, Kuliyyah al-Dirasat al-'Ulyā, Universiti of Jordan, 2010), 26.

<sup>20</sup> Farid al-Anṣārī, *Abjadiyyat al-Baḥṡ fi al-'Ulūm al-Shar'iyah* (al-Qahirah: Dar al- Salām, 2013), 111-112.

tetapi belum dibincangkan secara khusus berkenaan komponen-komponen yang membentuk kaedah ini.

Walau bagaimanapun, terdapat 3 orang ilmuwan Islam kontemporari yang membincangkan setiap komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* secara khusus dan fungsinya iaitu al-Rabi'ah, al-Sa'id dan Abu Sulaiman.

Al-Rabi'ah telah menyenaraikan sebanyak 12 komponen<sup>21</sup> iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, *tahrīr maḥall al-nizā'*, *al-aqwāl fī al-mas'alah*, *al-adillah fī al-mas'alah*, *wajh al-istidlāl*, *munāqashah al-adillah*, *sabab al-khilāf*, *naw' al-khilāf*, *al-tarjīh*, *thamarah al-khilāf*, *bayān irtibāṭ al-mas'alah*, dan *al-tafrī' alā al-mas'alah*. Al-Sa'id<sup>22</sup> menyenaraikan sebanyak 8 komponen untuk kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, *tahrīr maḥall al-nizā'*, *al-aqwāl fī al-mas'alah*, *al-adillah fī al-mas'alah*, *munāqashah al-adillah*, *sabab al-khilāf*, *al-tarjīh* dan *thamarah al-khilāf*. Abu Sulaiman<sup>23</sup> pula menyenaraikan 7 komponen sahaja iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, *tahrīr maḥall al-nizā'*, *al-aqwāl fī al-mas'alah*, *al-adillah fī al-mas'alah*, *munāqashah al-adillah*, *al-tarjīh* dan *thamarah al-khilāf* untuk kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*. Perbincangan ini dirumuskan melalui Jadual 1.0:

---

<sup>21</sup> Abd al-Aziz bin Abd al-Rahman Al-Rabi'ah, *al-Baḥth al-'Ilmī, Ḥaqīqatuhu wa Maṣādiruhu, wa Maddatuhu, wa Manāhijuhu, wa Kitābatuhu, wa Ṭibā'atuhu, wa Munāqashatuhu* (al-Riyadh: Maktabah al-Obaikan, 2012), 206.

<sup>22</sup> Khalid Abd al-Aziz al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Masā'il al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 37-133.

<sup>23</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 270-275.

Jadual 1.0: Rumusan perbincangan 3 ilmuwan Islam kontemporari tentang bilangan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*

<b>Ilmuwan Islam</b>	<b>Abu Sulaiman</b>	<b>al-Rabi‘ah</b>	<b>Al-Sa’id</b>
<b>Komponen</b>			
<i>Taṣwīr al-Mas‘alah</i>	✓	✓	✓
<i>Tahrīr Maḥall al-Nizā‘</i>	✓	✓	✓
<i>al-Aqwāl fī al-Mas‘alah</i>	✓	✓	✓
<i>al-Adillah fī al-Mas‘alah</i>	✓	✓	✓
<i>Wajh al-Istidlāl</i>	✗	✓	✗
<i>Munāqashah al-Adillah</i>	✓	✓	✓
<i>Sabab al-Khilāf</i>	✓	✓	✗
<i>Naw‘ al-Khilāf</i>	✗	✓	✗
<i>al-Tarjīḥ</i>	✓	✓	✓
<i>Thamarah al-Khilāf</i>	✓	✓	✓
<i>Bayān Irtibāṭ al-Mas‘alah</i>	✗	✓	✗
<i>al-Tafrī‘ alā al-Mas‘alah</i>	✗	✓	✗

Walaupun terdapat perbezaan di antara 3 ilmuwan Islam ini dalam menentukan bilangan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*, namun dalam makalah ini, penyelidik hanya

menumpukan kepada lapan komponen reka bentuk kajian yang penting sahaja yang terkandung dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*. Justifikasi pemilihan lapan komponen ini adalah kerana kelapan-lapan komponen ini merupakan tatacara yang dipraktikkan oleh fuqaha terdahulu dan ilmuwan Islam kontemporari. Empat komponen yang berbaki merupakan pecahan daripada lapan komponen yang utama. Selain itu, komponen ini melengkapkan antara satu sama lain, jika ia tidak mencukupi maka objektif penyelidikan dalam *al-Fiqh al-Muqāran* tidak dapat dipenuhi. Menurut Abu Sulaiman,<sup>24</sup> setiap satu komponen yang dinyatakan dapat menonjolkan keistimewaan penyelidikan khususnya dalam bidang fiqh, dan melazimi adab-adab ketika melakukan penyelidikan. Perincian tentang kelapan-lapan komponen ini dibincangkan dalam subtopik di bawah.

#### **(a) *Taṣwīr al-Mas'alah***

Untuk menjalankan penyelidikan dalam hukum khususnya, fuqaha memulakan penyelidikan dengan memberi gambaran yang mendalam tentang sesuatu isu dan penerangan berkenaan hakikat isu yang ingin dikaji. Perkara ini merupakan komponen yang pertama dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, bermaksud pengetahuan yang mendalam tentang intipati sesuatu isu yang dikaji, setelah diteliti penggunaan istilah yang tepat yang bersesuaian dengan isu yang dikaji.<sup>25</sup> Menurut Abu Sulaiman,<sup>26</sup> komponen *taṣwīr al-mas'alah* mengandungi perkara yang berikut iaitu penjelasan maksud sesuatu tajuk dalam fiqh, dalil pensyarian sesuatu hukum, penjelasan yang terperinci tentang dalil, istinbat daripada sudut fiqh terhadap dalil, penerangan tentang maqasid Syariah dan isu fiqh yang berlaku daripada sudut praktikal.

---

<sup>24</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 270-275.

<sup>25</sup> Khalid Abd al-Aziz Al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Mas'āl al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 42.

<sup>26</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 271-272.

Terdapat beberapa istilah yang lain digunakan selain *taṣwīr al-mas'alah* seperti *al-tamhīd*<sup>27</sup> dan *al-ta'rīf bi al-mas'alah*.<sup>28</sup> Menurut Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairulidin,<sup>29</sup> komponen *taṣwīr al-mas'alah* perlu dilakukan secara teliti dan mendalam agar tidak berlaku kesilapan terutamanya dalam penentuan hukum terhadap sesuatu masalah.

### **(b) *Tahrīr Maḥall al-Nizā'***

Antara komponen yang penting dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dalam membataskan subjek kajian agar perbincangan kajian tidak tersasar ialah komponen *tahrīr maḥall al-nizā'*. Komponen *tahrīr maḥall al-nizā'* bermaksud menetapkan sesuatu perkara yang menyebabkan berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuwan Islam. Menurut al-Sa'id,<sup>30</sup> definisi *tahrīr maḥall al-nizā'* ialah menetapkan dan perbezaan dalam perbincangan sesuatu isu, dan menerangkan apa yang dimaksudkan oleh setiap pendapat daripada permulaannya, sama ada pendapat itu sama, atau berbeza antara satu sama lain, dan juga sama ada perbezaan pendapat ini berlaku secara *lafzī* atau *ma'nawī* Abu Sulaiman,<sup>31</sup> memberi hujah dalam memperincikan maksud *tahrīr maḥall al-nizā'*, beliau mengatakan jika perbezaan dan perbandingan hanya berlaku secara *lafzī* sahaja, penyelidikan tidak perlu diteruskan kerana perbezaan berlaku di peringkat istilah ataupun definisi sahaja, namun jika perbezaan

---

<sup>27</sup> Abd al-Aziz bin Abd al-Rahman al-Rabi'ah, *al-Baḥth al-'Ilmī, Ḥaḡiqatuhu wa Maṣādiruhu, wa Maddatuhu, wa Manāhijuhu, wa Kitābatuhu, wa Ṭibā'atuhu, wa Munāqashatuhu* (al-Riyadh: Maktabah al-Obaikan, 2012), 206.

<sup>28</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 271-272. Lihat juga Sa'id Ramadhan al-Būfī, *Muḥāḍarāt fī al-Fiqh al-Muqāran* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1993), 17.

<sup>29</sup> Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairulidin, "Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam" (tesis doktor falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, 2014), 117.

<sup>30</sup> Khalid Abd al-Aziz Al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Mas'āl al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 49.

<sup>31</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 209-210.

berlaku secara *ma'nawī* atau menepati intipati kajian secara objektifnya, maka penyelidikan perlu diteruskan dengan dibandingkan pendapat-pendapat dan hujah yang digunakan mereka sehingga diperolehi dapatan kajian.

**(c) *Al-Aqwāl fī al-Mas'alah***

Pendapat yang berbeza dalam sesuatu hukum fiqh yang teretus hasil daripada ijtihad ilmuwan Islam merupakan satu keistimewaan bagi umat Islam. Menurut al-Sa'id,<sup>32</sup> definisi *al-aqwāl fī al-mas'alah* ialah pendapat fuqaha yang diiktiraf dalam perbincangan tentang hukum sesuatu masalah dalam fiqh. Antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam komponen ini ialah dengan meneliti intipati pendapat, kepada pihak manakah pendapat ini dikeluarkan, dan kepada siapakah pendapat ini dinisbahkan, dan berdasarkan prinsip apakah terdirinya pendapat ini, dan kedudukan pendapat ini bersama dengan pendapat ilmuwan Islam yang lain.<sup>33</sup>

**(d) *Al-Adillah fī al-Mas'alah***

*al-Adillah* merupakan kata gandaan kepada perkataan *dalīl*. *Dalīl* daripada sudut bahasa bermaksud penerangan tentang sesuatu berdasarkan tanda-tanda yang diketahuinya. Daripada sudut istilah pula, *dalīl* bermaksud petunjuk kepada sesuatu. Ilmuwan Islam dalam bidang usul fiqh pula memberi definisi *dalīl* bahawa apa yang memungkinkan sampai kepada sesuatu hukum dengan penelitian yang sah dan benar.<sup>34</sup> Terdapat banyak aspek pembahagian *dalīl*, namun antara pembahagian yang utama ialah daripada aspek bagaimana *dalīl* ini diketahui. Pembahagian *dalīl* dalam aspek ini terbahagi kepada dua iaitu, dalil *naqlī* dan dalil *'aqlī*. Dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*, dalil-dalil setiap pendapat dalam mazhab dibentangkan dengan jelas berdasarkan ilmuwan Islam dalam setiap

---

<sup>32</sup> Khalid Abd al-Aziz Al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Mas'āl al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 49.

<sup>33</sup> Abd al-Aziz bin Abd al-Rahman al-Rabi'ah, *al-Baḥth al-'Ilmī, Ḥaqīqatuhu wa Maṣādiruhu, wa Maddatuhu, wa Manāhijuhu, wa Kitābatuhu, wa Ṭibā'atuhu, wa Munāqashatuhu* (al-Riyadh: Maktabah al-Obaikan, 2012), 211.

<sup>34</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dar al-Fikr, 2011), 401.

mazhab. Dalil-dalil ini disusun berdasarkan kefahaman dan tafsiran mereka terhadap dalil itu. Selain itu, dalil-dalil ini diletakkan berdasarkan keutamaan yang berbeza berdasarkan disiplin setiap mazhab.

**(e) *Munāqashah al-Adillah***

Di dalam komponen ini, dalil yang telah dibentangkan oleh setiap mazhab akan melalui proses analisis dan perbincangan. Dalil-dalil yang telah dibentangkan oleh setiap mazhab akan dibincangkan daripada sudut kesahihan dalil dan kekuatannya daripada sudut sanad dan penghujahannya. Selain itu, dalil yang dibentangkan juga dibincangkan daripada sudut kelemahannya (aspek sanad dan penghujahannya). Di samping itu, perbincangan yang berlaku ini mesti melazimi adab-adab ketika mengkritik pandangan yang berbeza.

**(f) *Al-Tarjīh***

Setelah perbincangan berkenaan dalil yang dikemukakan oleh setiap mazhab dikemukakan, maka analisis berdasarkan kaedah *al-tarjīh* akan dilakukan<sup>35</sup>. Menurut al-Sa'id, definisi *al-tarjīh* ialah mendahulukan salah satu pandangan terhadap satu pandangan yang lain disebabkan kekuatan penghujahan yang dimiliki. Analisis pandangan-pandangan yang dibawa oleh setiap mazhab berlaku dengan dalil yang dikemukakan disaring dan dibandingkan untuk mendapat jawapan terhadap isu dan pernyataan masalah yang ditimbulkan pada permulaan kajian.<sup>36</sup> Abu Sulaiman menyatakan bahawa terdapat dua metodologi utama untuk melakukan *al-tarjīh*, yang pertama ialah mendahulukan sesuatu pandangan mempunyai

---

<sup>35</sup>Sebelum analisis *al-Tarjīh* dilakukan, para ilmuwan Islam dalam Usul Fiqh menetapkan beberapa kaedah yang perlu di ambil kira ketika berlaku pertembungan kefahaman dalil (*Ta'āruḍ al-Adillah*) iaitu:

i) *al-jam'*: iaitu menghimpunkan dalil-dalil ini.  
ii) *al-Naskh*: dalil yang turun lebih lewat menasikahkan dalil terdahulu.  
iii) *al-Tarjīh*: Jika kedua-dua kaedah di atas tidak dapat dilakukan, maka analisis secara *al-Tarjīh* perlu dilakukan bagi memilih pandangan yang terkuat.

<sup>36</sup>Khalid Abd al-Aziz al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Masā'il al-Fiqhiyyah* (Al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 117-118.

dalil yang banyak. Yang kedua, salah satu dalil lebih jelas dari sudut penghujahannya.<sup>37</sup>

**(g) *Sabab al-Khilāf***

Perbezaan pendapat merupakan perkara yang menjadi tabiat dan kebiasaan manusia. Seperti mana akal fikiran manusia, mereka mempunyai kefahaman dan analisis yang berbeza dalam memahami sesuatu perkara. Perbezaan ini membawa kepada munculnya kepada mazhab fiqh yang menjadi keistimewaan kepada umat Islam. Namun perbezaan pendapat ini muncul bukan disebabkan kejahilan dan kelemahan fuqaha, bahkan ia berlaku disebabkan perkara yang tertentu. Perkara ini dinamakan sebagai *sabab al-khilāf*. Al-Sa'id mendefinisikan *sabab al-khilāf* sebagai perkara yang tercetus daripadanya kepelbagaian pendapat mujtahid dalam isu fiqh untuk mengetahui hukumnya, dan dalam masa yang sama tiada dalil *qaṭ'ī* yang menunjukkan kepada hukumnya. Secara umumnya, terdapat empat sebab tercetusnya *sabab al-khilāf*, pertama, tabiat akal orang yang mukallaf. Kedua, kefahaman tentang *nusūṣ* yang membicarakan tentang hukum *taklīfī*. Ketiga, kefahaman daripada sudut Bahasa Arab dalam *nusūṣ*. Keempat, perbezaan pendapat tentang kaedah yang dipegang dalam pendalilan dan kaedah istinbat.<sup>38</sup>

Walaupun *tahrīr maḥall al-nizā'* kelihatan mempunyai persamaan dengan *sabab al-khilāf* dari sudut menjelaskan perbezaan pendapat, namun kedua-duanya sebenarnya berbeza fungsi. *Tahrīr maḥall al-nizā'* menumpukan kepada penjelasan ruang lingkup isu yang diperselisihkan oleh para fuqaha, manakala *sabab al-khilāf* pula menganalisis faktor yang menjadi punca kepada perbezaan tersebut.

Sebagai contoh, dalam perbincangan mengenai mahar (mas kahwin), *tahrīr maḥall al-nizā'* menjelaskan bahawa isu yang

---

<sup>37</sup>Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartībū Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 85-86.

<sup>38</sup>Khalid Abd al-Aziz al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Masā'il al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 126.

diperdebatkan ialah sama ada manfaat daripada sesuatu *'ayn* seperti pengajaran al-Qur'an sah dijadikan mahar. Sementara itu, *sabab al-khilāf* menerangkan punca perbezaan tersebut, iaitu perselisihan pandangan fuqaha tentang hukum mengambil upah daripada pengajaran al-Qur'an.<sup>39</sup>

#### **(h) *Thamarah al-Khilāf***

Komponen yang terakhir dalam kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* ialah *thamarah al-khilāf*. *thamarah al-khilāf* bermaksud perbezaan pendapat yang menyebabkan terhasilnya hukum-hukum yang tertentu. Perbezaan pendapat ini jika dilihat daripada sudut natijahnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-khilāf al-ma'nawī* dan *al-khilāf al-lafzī*.

*al-Khilāf al-ma'nawī* bermaksud perbezaan pendapat yang daripadanya terhasil hukum-hukum syarii, manakala *al-khilāf al-lafzī* pula bermaksud perbezaan pendapat yang membincangkan tentang istilah dan lafaz yang berbeza, walaupun secara hakikatnya istilah dan lafaz yang dibincangkan membawa maksud yang sama. Perbezaan di antara kedua-dua jenis *al-khilāf* ini ialah *al-khilāf al-ma'nawī* membawa kepada terhasilnya hukum-hukum syarie yang berbeza<sup>40</sup>, manakala *al-khilāf al-lafzī* tidak menghasilkan apa-apa kesan daripada sudut hukum syarii.<sup>41</sup> Menurut al-Sa'id, di antara komponen yang melengkapkan penyelidikan fiqh ialah dengan

---

<sup>39</sup> Khalid Abd al-Aziz al-Sa'id, *Ta'sīl Baḥṡ al-Masā'il al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 145-153.

<sup>40</sup> Contoh isu: Menyebutkan lafaz talak tiga dengan sekali sebutan. Dalam masalah ini, terdapat perbezaan pendapat di antara jumhur fuqaha dan Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah. Jumhur fuqaha mengatakan talak yang terhasil ialah talak tiga. Manakala Ibnu Taymiyyah berpendapat talak yang terhasil dikira talak satu (Abu Sulaiman, 2006). Perbezaan pendapat ini menyebabkan terhasilnya hukum yang berbeza.

<sup>41</sup> Contoh isu: Penggunaan istilah fardhu dan wajib. Jumhur fuqaha berpendapat istilah fardhu dan wajib membawa maksud yang sama, manakala mazhab Hanafi berpendapat istilah fardhu dan wajib adalah berbeza. Di sisi mazhab Hanafi, istilah fardhu bermaksud penyariatan sesuatu hukum berdasarkan dalil *qaṭ'ī* dan istilah wajib pula bermaksud penyariatan sesuatu hukum berdasarkan dalil *ẓannī*. Secara rajihnya, perbezaan pendapat ini tidak membawa apa-apa kesan daripada sudut hukum syarii (Abu Sulaiman, 2006).

menonjolkan *thamarah al-khilāf* dalam menghubungkan teori-teori dalam fiqh antara satu sama lain.<sup>42</sup>

Rajah 1.0 dibawah menyenaraikan komponen-komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dalam bentuk proses:

Rajah 1.0: Komponen-komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran*



Rumusan daripada Rajah 1.0 di atas, terdapat 8 komponen penting yang membentuk kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, *tahrīr maḥall al-nizā'*, *al-aqwāl fī al-mas'alah*, *al-adillah fī al-mas'alah*, *munāqashah al-adillah*, *sabab al-khilāf*, *al-tarjih* dan *thamarah al-khilāf*.

<sup>42</sup> Khalid Abd al-Aziz al-Sa'id, *Ta'ṣīl Baḥth al-Masā'il al-Fiqhiyyah* (al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016), 132.

## **ANALISIS KAEDAH *AL-FIQH AL-MUQĀRAN* SEBAGAI SATU REKA BENTUK KAJIAN BERTERASKAN ISLAM**

Pemilihan reka bentuk kajian adalah sangat penting sebelum kajian dimulakan. Justifikasi pemilihan reka bentuk juga perlu dinyatakan oleh penyelidik. Jika reka bentuk kajian yang digunakan tidak sesuai, ia akan memberikan hasil kajian yang tidak benar dan memberikan kesan yang negatif kepada penyelidik lain.<sup>43</sup> Penyelidik akan memilih reka bentuk kajian yang paling sesuai untuk menjustifikasikan kajiannya.<sup>44</sup> Setiap kajian yang mempunyai proses, tatacara, kaedah yang bertepatan dengan objektif kajian, ia diklasifikasikan sebagai reka bentuk kajian. Jika sesuatu kerangka itu dapat menggambarkan komponen-komponen atau proses yang diperlukan dalam menjalankan kajian secara menyeluruh, maka ia memenuhi syarat tersebut.

Berdasarkan definisi reka bentuk kajian yang dikemukakan oleh Creswell dan Yin, sesebuah kerangka layak dikelaskan sebagai reka bentuk kajian apabila ia berfungsi sebagai suatu kerangka logik yang menghubungkan persoalan kajian dengan proses pengumpulan data, penganalisan, dan rumusan secara koheren dari awal hingga akhir. Maka untuk membuktikan bahawa kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* adalah sebuah reka bentuk kajian dan bukan sekadar metode atau alat analisis, perlu dibuktikan bahawa 8 komponennya meliputi keseluruhan kitaran proses penyelidikan dari peringkat awal hingga peringkat akhir.

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, terdapat 8 komponen penting yang membentuk kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* iaitu *taṣwīr al-mas'alah*, *tahrīr maḥall al-nizā'*, *al-aqwāl fī al-mas'alah*, *al-adillah fī al-mas'alah*, *munāqashah al-adillah*, *sabab al-khilāf*, *al-tarjīḥ* dan *thamarah al-khilāf*. Setiap komponen mempunyai fungsi yang khusus dalam menjalankan kajian. Pemetaan analitikal berikut menghuraikan bagaimana laman

---

<sup>43</sup>Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, 2011), 65.

<sup>44</sup> Robert K. Yin, *Qualitative Research from Start to Finish* Edisi kedua (New York: The Guilford Press, 2016), 83.

komponen tersebut berfungsi secara bersepadu membentuk sebuah kerangka logik yang holistik berasaskan epistemologi Islam.

### **Fasa Pertama: Penentuan Masalah Kajian (*Research Framework*)**

Dalam mana-mana reka bentuk kajian, proses penyelidikan bermula dengan penentuan masalah dan penetapan skop kajian. Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* melaksanakan fasa ini melalui dua komponen yang pertama.

Komponen *taṣwīr al-mas'alah* bertindak memberi gambaran dan latar belakang kajian yang bakal dijalankan, setara dengan fungsi latar belakang kajian dan pernyataan masalah dalam penyelidikan konvensional. Fokus kajian utama dalam *al-Fiqh al-Muqāran* ialah perbezaan pendapat fuqaha dalam memahami sesuatu nas dan cara mengistinbatkannya. Komponen ini turut menentukan jenis masalah yang boleh dikaji, iaitu kajian perbandingan berteraskan Islam yang membincangkan perbezaan pendapat terhadap isu-isu yang berlegar dalam kehidupan umat Islam, dan latar belakang kajian pula terbentuk daripada perbincangan yang melibatkan perbezaan pendapat dalam memahami nas dalam masalah fiqh. Menurut Abu Sulaiman, komponen ini penting dijelaskan untuk memastikan perbincangan tidak tersasar jauh.<sup>45</sup>

Manakala komponen *tahrīr maḥall al-nizā'* pula berfungsi menentukan dan membataskan skop permasalahan kajian dengan mengkaji apakah titik yang menjadi perbezaan pendapat fuqaha dalam mazhab, serta memastikan perbincangan yang dimaksudkan berlaku pada isu yang sama oleh kedua-dua pihak yang berbeza pendapat. Komponen ini turut menentukan dan menapis pernyataan masalah yang dikemukakan pada awal kajian, jika masalah melibatkan perbezaan pendapat pada perkara yang memberi kesan daripada sudut hukum, kajian perlu diteruskan. Namun jika

---

<sup>45</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā' isūhu, wa Naqā' isūhu, wa Tartību Mawḍū' ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 271- 272.

perbezaan hanya melibatkan istilah dan terma semata-mata, kajian tidak perlu diteruskan kerana ia tidak memberi implikasi terhadap kajian.

Gabungan kedua-dua komponen ini menetapkan kerangka asas kajian iaitu menjelaskan apakah masalah yang dikaji dan apakah had skopnya, suatu fungsi yang tidak mampu dilaksanakan oleh sebuah metode atau alat analisis yang bersifat tunggal.

### **Fasa Kedua: Pengumpulan Data (*Data Collection*)**

Setelah masalah kajian ditetapkan, langkah seterusnya ialah pengumpulan data yang relevan. Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* melaksanakan fasa ini melalui dua komponen yang berikutnya.

Komponen *al-aqwāl fī al-mas'alah* bertindak mengumpulkan pendapat-pendapat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji merangkumi pandangan para fuqaha yang muktabar mahupun ahli akademik dalam masalah yang berkaitan. Data yang dikumpul boleh diambil daripada kajian dokumen seperti kitab turath, artikel jurnal, tesis, resolusi muktamar fiqh, dan segala dokumen yang berkaitan. Selain itu, jika masalah yang dikaji berkaitan dengan isu-isu terkini, penyelidik juga boleh melakukan temu bual dengan pakar dalam bidang yang berkaitan bagi mendapatkan data yang lebih tepat.

Pendapat yang dikemukakan kemudiannya dikuatkan melalui komponen *al-adillah fī al-mas'alah* yang mengumpulkan hujah-hujah dan dalil-dalil yang menyokong setiap pandangan. Keutamaan hujah dan data pula sudah pasti dirujuk kepada sumber yang paling utama dalam epistemologi Islam iaitu dalil daripada al-Qur'an dan juga al-Sunnah. Hal ini disokong oleh Mohd Shukri Hanapi & Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar dalam menentukan keutamaan data khususnya dalam penyelidikan berkaitan Islam.<sup>46</sup>

---

<sup>46</sup> Mohd Shukri Hanapi dan Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar, "Pengaplikasian Kaedah Hadith al-Mawdu'iy Dalam Penyelidikan Berkaitan Islam," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1, no.3(2016): 132–142, <https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i3.23>.

Kedua-dua komponen ini bukan sahaja menetapkan strategi pengumpulan data yang sistematik, bahkan turut menentukan hierarki dan kriteria sumber data yang sah menurut epistemologi Islam. Hal ini menunjukkan suatu ciri yang hanya ada pada sebuah reka bentuk kajian dan bukan pada sebuah metode analisis semata-mata.

### **Fasa Ketiga: Penganalisan Data (*Data Analysis*)**

Setelah data terkumpul, proses penganalisan dilaksanakan melalui dua komponen yang berikutnya.

Komponen *munāqashah al-adillah* menganalisis dalil dan meneliti *wajh al-istidlāl* (cara penghujahan) oleh setiap pendapat, termasuk perbincangan dan analisis terhadap isu dan kelemahan hujah masing-masing dari aspek sanad, matan, dan penghujahan secara sistematik. Hasil daripada analisis tersebut, kajian menentukan pendapat yang terbaik bersesuaian dengan isu yang dikaji melalui komponen *al-tarjīh*. Menurut Suwaybatul Islamiyah Che Ibrahim, melalui *al-tarjīh*, seseorang penyelidik dapat memperoleh dapatan data yang tepat dan sahih, yang seterusnya membantu penyelidik membuat rumusan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina.

Proses dua peringkat ini, penilaian kritikal dalil melalui *munāqashah* diikuti penentuan dapatan utama melalui *al-tarjīh* adalah selari dengan proses analisis data dalam penyelidikan yang menilai, menyaring, dan menginterpretasi data secara bersistematik untuk menghasilkan dapatan yang benar dan sahih.

### **Fasa Keempat: Kesimpulan dan Implikasi (*Conclusion & Implications*)**

Fasa terakhir dalam kitaran penyelidikan ialah pelaporan dapatan beserta implikasinya. Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* melaksanakan fasa ini melalui dua komponen yang terakhir.

Komponen *thamarah al-khilāf* melaporkan hasil atau implikasi yang terhasil daripada perbezaan pendapat yang dikaji, sama ada dalam bentuk hukum alternatif, rukhsah, atau panduan

amali kepada masyarakat Islam. Penggunaan komponen ini boleh diluaskan dengan melihat implikasi perbezaan pendapat terhadap sesuatu isu tertentu dalam kalangan masyarakat Islam, menjadikan dapatan kajian lebih relevan dan bermanfaat secara praktikal.

Manakala komponen *sabab al-khilāf* pula menganalisis dan melaporkan punca atau faktor yang mendorong berlakunya perbezaan pendapat tersebut, sama ada disebabkan perbezaan kefahaman nas, perbezaan kaedah istinbat, atau faktor-faktor lain yang bersifat epistemologi. Pelaporan punca perbezaan ini memberikan kefahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap dapatan kajian, sekali gus menyempurnakan laporan akhir kajian kepada pembaca dan penyelidik lain.

Kedua-dua komponen penutup ini memenuhi fungsi bahagian kesimpulan, perbincangan, dan implikasi kajian dalam penyelidikan berteraskan Islam, menjadikan kitaran penyelidikan lengkap dan sempurna.

Pemetaan empat fasa di atas membuktikan bahawa lapan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* meliputi keseluruhan kitaran proses penyelidikan secara koheren dan bersepadu. Ia bukan sekadar satu alat atau metode yang beroperasi pada satu peringkat sahaja.

Perbezaan ini dapat difahami dengan jelas melalui perbandingan berikut: Sekiranya analisis dokumen adalah metode pengumpulan data yang beroperasi pada fasa kedua sahaja, dan analisis kandungan adalah metode penganalisan data yang beroperasi pada fasa ketiga sahaja, maka kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* adalah sebuah reka bentuk kajian iaitu sebuah kerangka atau *blueprint* yang memayungi dan mengawal selia keseluruhan empat fasa tersebut secara koheren dari mula hingga akhir, berasaskan epistemologi Islam.

Kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* bukan sahaja menentukan apa yang dikaji (melalui *Taṣwīr* dan *Tahrīr*), malah turut menentukan bagaimana data dikumpulkan (melalui *al-Aqwāl* dan *al-Adillah*), bagaimana data dianalisis (melalui *Munāqayah* dan *al-Tarjīh*), dan

apakah dapatan serta implikasinya (melalui *Thamarah al-Khilāf* dan *Sabab al-Khilāf*). Inilah yang menjadikan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai sebuah kerangka logik yang lengkap dan berdiri sendiri, berakar umbi dalam tradisi epistemologi Islam.

Lebih daripada itu, keistimewaan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai reka bentuk kajian terletak pada kesesuaiannya yang khusus untuk penyelidikan berteraskan Islam, terutamanya kajian yang melibatkan dimensi hukum syarak. Reka bentuk kajian konvensional seperti kajian kes (*case study*), kajian fenomenologi, atau kajian *grounded theory*, walaupun kukuh dari sudut metodologi yang dibina berdasarkan epistemologi Barat yang bersifat sekular, kerangka-kerangka ini tidak mempunyai mekanisme dalaman untuk menangani tuntutan-tuntutan khusus dalam penyelidikan hukum Islam, terutamanya proses istinbat hukum daripada nas-nas syarak dan proses *tarjih* dalam menilai kekuatan dalil yang bersifat hierarkikal. Apabila seseorang penyelidik menggunakan kajian kes untuk mengkaji isu hukum fiqh misalnya, kerangka tersebut tidak menyediakan panduan tentang bagaimana nas-nas syarak perlu dinilai, bagaimana hierarki dalil perlu diuruskan, dan bagaimana proses penentuan hukum yang sah perlu dilaksanakan, kerana ia tidak dibina untuk tujuan tersebut.

Sebaliknya, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dibina khusus untuk menangani keperluan ini. Komponen *al-adillah fī al-mas'alah* menguruskan hierarki sumber data syarak secara sistematik, daripada al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak, dan qiyas, yang tiada dalam mana-mana reka bentuk kajian konvensional. Komponen *munāqashah al-adillah* menyediakan mekanisme penilaian kritikal dalil berasaskan ilmu usul fiqh yang membolehkan penyelidik menilai kekuatan sesuatu hujah hukum secara ilmiah dan bersistematik. Komponen *al-tarjih* pula menyediakan kaedah penentuan dapatan hukum yang berasaskan kekuatan dalil syarak, sebuah proses yang tidak dapat dilaksanakan melalui mana-mana kerangka analisis konvensional tanpa mengubah suai hakikat dan integriti proses istinbat hukum itu sendiri. Keseluruhan proses ini kemudiannya disempurnakan oleh komponen *sabab al-khilāf* yang menjelaskan punca perbezaan pendapat dari sudut epistemologi

Islam, dan *thamarah al-khilāf* yang merumuskan implikasi hukum yang terhasil.

Justeru, dalam konteks makalah ini, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* bukan sekadar setara dengan reka bentuk kajian konvensional, bahkan ia adalah reka bentuk kajian yang lebih tepat dan lebih sesuai untuk penyelidikan yang melibatkan dimensi hukum syarak. Ia menyediakan apa yang tidak dapat disediakan oleh reka bentuk konvensional, iaitu sebuah kerangka logik yang mengintegrasikan proses istinbat dan *tarjīh* secara sistematik dalam satu kerangka penyelidikan yang lebih sesuai dan holistik.

Analisis antara komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dan pemetaan analitikal kitaran penyelidikan dirangkumkan dalam Jadual 2.0 di bawah:

Jadual 2.0: Analisis Komponen Kaedah *Al-Fiqh Al-Muqāran* Dan Pemetaan Analitikal Kitaran Penyelidikan

Komponen Kaedah <i>Al-Fiqh Al-Muqāran</i>	Perbincangan
<b>FASA 1: Penentuan Masalah Kajian (<i>Research Framework</i>)</b>	
<i>Taṣwīr al-Mas'alah</i>	Dijadikan sebagai latar belakang kajian. Kajian berkenaan perbezaan pendapat fuqaha dalam memahami sesuatu nas dan cara mengistinbatkannya. Kajian perbandingan berteraskan Islam yang membincangkan tentang perbezaan pendapat dan hukum terhadap sesuatu perkara yang berlegar seharian dalam

<b>Komponen Kaedah <i>Al-Fiqh Al-Muqāran</i></b>	<b>Perbincangan</b>
	<p>kehidupan manusia. Terbentuk daripada perbincangan yang melibatkan perbezaan pendapat dalam memahami nas dalam masalah fiqh.</p>
<p><b><i>Tahrīr Maḥall al-Nizāʿ</i></b></p>	<p>Pernyataan masalah ditentukan melalui komponen <i>tahrīr maḥall al-nizāʿ</i>, dengan mengkaji apakah titik yang menjadi perbezaan pendapat fuqaha dalam mazhab. Menentukan sama ada kajian perlu diteruskan, jika perbezaan hanya pada istilah dan terma semata-mata, kajian tidak perlu diteruskan.</p>
<p align="center"><b>FASA 2: Pengumpulan Data (<i>Data Collection</i>)</b></p>	
<p><b><i>Al-Aqwāl fī al-Masʿalah</i></b></p>	<p>Pengumpulan data dilakukan melalui kajian dokumen daripada kitab-kitab muktabar daripada setiap mazhab untuk mengeluarkan pendapat yang muktamad dan dalil yang menjadi hujah dalam setiap mazhab. Temu bual dijalankan dengan pakar dalam bidang tertentu. Contohnya: temu bual dijalankan dengan pakar perubatan jika melibatkan</p>

<b>Komponen Kaedah Al-Fiqh Al-Muqāran</b>	<b>Perbincangan</b>
	isu hukum yang berkait dengan perubahan.
<i>Al-Adillah fī al-Masʿalah</i>	Pengumpulan hujah dan dalil yang menyokong setiap pandangan fuqaha. Keutamaan dalil dirujuk kepada sumber utama epistemologi Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, diikuti ijmak dan qiyas. Menetapkan hierarki dan kriteria sumber data yang sah menurut epistemologi Islam.
<b>FASA 3: Penganalisan Data (<i>Data Analysis</i>)</b>	
<i>Munāqashah al-Adillah</i>	Analisis data dilakukan dengan menilai dan mengkritik kesahihan serta kekuatan setiap dalil yang dikumpulkan. Pendapat dan dalil yang didatangkan oleh setiap mazhab akan disaring dan dibandingkan sama ada daripada sanad mahupun dari sudut penghujahan ( <i>wajh al-istidlāl</i> ).
<i>Al-Tarjīh</i>	Analisis dilakukan dengan membandingkan kekuatan dalil setiap pandangan. Pandangan yang memiliki dalil paling kuat dan jelas dari sudut penghujahan dipilih sebagai

Komponen Kaedah <i>Al-Fiqh Al-Muqāran</i>	Perbincangan
	<p>dapatan kajian. Penyelidik dapat memperoleh dapatan data yang tepat dan sahih melalui proses <i>al-tarjīh</i>.</p>
<p><b>FASA 4: Kesimpulan &amp; Implikasi</b> <i>(Conclusion &amp; Implications)</i></p>	
<p><i>Thamarah al-Khilāf</i></p>	<p>Disimpulkan sebagai laporan akhir kajian. Secara umumnya, dapat memberi jawapan dan solusi terhadap isu-isu semasa terutamanya dalam bab hukum. Secara khususnya, penyelidik dapat melihat kesan perbezaan pendapat yang terhasil daripada kefahaman yang berbeza. Boleh diluaskan dengan melihat implikasi perbezaan pendapat terhadap sesuatu isu tertentu dalam masyarakat Islam.</p>
<p><i>Sabab al-Khilāf</i></p>	<p>Analisis dilakukan terhadap punca berlakunya perbezaan pendapat sama ada disebabkan perbezaan kefahaman <i>nusūs</i>, perbezaan kaedah istinbat, atau faktor lain bagi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap perbezaan yang terhasil.</p>

Berdasarkan Jadual 2.0 di atas, terbukti bahawa lapan komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* tidak hanya mempunyai tatacara yang tersusun, tetapi lebih daripada itu, ia meliputi keseluruhan kitaran proses penyelidikan secara koheren dan bersepadu, daripada fasa penentuan masalah, pengumpulan data, penganalisan data, sehinggalah kepada fasa kesimpulan dan implikasi. Setiap komponen saling berkaitan dan berfungsi dalam urutan yang logik, membuktikan bahawa kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* bukan sekadar memenuhi konsep reka bentuk kajian, malah merupakan sebuah kerangka logik yang lengkap dan menyeluruh berasaskan epistemologi Islam. Hal ini juga disokong oleh Sukiati dalam kajiannya. Dalam kajian beliau, dinyatakan bahawa kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* bukan sekadar semata-mata kajian dalam isu fiqh bahkan dapat dikembangkan sebagai satu kerangka penyelidikan.<sup>47</sup>

Secara umumnya, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebelum ini diaplikasikan dalam kajian berkaitan hukum sahaja. Namun, penggunaan reka bentuk kajian berdasarkan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* dapat diperluaskan lagi aplikasinya dalam kajian sains sosial terutamanya berkait dengan Islam. Isu-isu yang terbaru daripada segenap aspek kehidupan manusia meliputi kemasyarakatan, pendidikan, politik, perubatan dan sebagainya dapat dikaji menggunakan reka bentuk kajian ini. Hal ini juga dinyatakan oleh Abu Sulaiman, beliau berpendapat aspek-aspek yang telah disebutkan di atas merupakan perkara yang dibincangkan dalam ilmu fiqh.<sup>48</sup>

Sebagai contoh, isu polemik penggunaan vaksin pasca Covid-19 boleh dibincangkan dan dibandingkan pendapat mereka yang menyokong penggunaan vaksin dan mereka yang menolak, beserta hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak.

---

<sup>47</sup> Sukiati, "Perbandingan Mazhab sebagai Sebuah Metodologi Penelitian," *Al-Muqaranah: Jurnal Perbandingan Hukum dan Mazhab* 3, no.3 (2016):39-57.

<sup>48</sup> Abdul Wahhab Ibrahim Abu Sulaiman, *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishuhu, wa Naqā'ishuhu, wa Tartību Mawḍū'ātihi* (al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006), 123.

Seterusnya, analisis boleh dilakukan melalui kaedah *al-tarjih*. Dapatan kajian yang dihasilkan boleh memberi manfaat dan data yang berguna kepada pihak yang berkepentingan.

Terdapat tiga contoh kajian yang menggunakan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim et. al.<sup>49</sup> tentang penentuan ciri negara Islam menurut pemikiran empat mazhab fiqh. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan komponen-komponen kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* seperti definisi negara Islam (*taṣwīr al-mas'alah*), penentuan ciri-ciri negara Islam (*al-aqwāl fī al-mas'alah*). Kedua, kajian yang dilakukan oleh Mohd A'tarahim Mohd Razali et al.<sup>50</sup> dalam membincangkan *farsy al-ḥurūf* dalam ilmu qiraat dan kesannya terhadap hukum fiqh. Dalam kajian ini pula membincangkan perbezaan bacaan qiraat yang menjadi punca berbezanya pendapat (*sabab al-khilāf*) oleh fuqaha daripada 4 mazhab. Ketiga, kajian dilakukan oleh Asmadi Mohamed Naim et. al.<sup>51</sup> pula sedikit berbeza daripada dua kajian sebelum ini. Kajian ini menonjolkan kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* sebagai kaedah analisis data dalam kaedah kajian. Perbincangan dalam kajian ini pula membincangkan pandangan ulama mazhab (*al-aqwāl fī al-mas'alah*) tentang kontrak/akad berasaskan amanah. Dapat dirumuskan ketiga-tiga kajian ini secara kolektif membuktikan bahawa kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* berfungsi bukan sahaja sebagai teknik analisis, tetapi juga mampu diposisikan sebagai satu reka bentuk kajian yang komprehensif yang boleh digunakan dalam penyelidikan berkaitan Islam.

---

<sup>49</sup> Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim et al., "Penentuan Ciri Negara Islam Menurut Pemikiran Empat Mazhab Fiqah (Determining the Characteristics of an Islamic Country from the Perspectives of Four Schools of Jurisprudence)," *Jurnal Hadhari: An International Journal* 4, no. 2 (2016): 89–106, 89 106, <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0402-05>.

<sup>50</sup> Mohd A'tarahim et al., "Perbandingan Qiraat Mutawatirah Farsh al Huruf dan perkaitannya dalam Perbezaan Hukum Fikah Berkaitan Ithram," *Jurnal Hadhari* 8, no. 2 (2016): 273-285, <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0802-05>.

<sup>51</sup> Asmadi Mohamed Naim, Mohd Noor Habibi Hj Long, Mahyuddin Abu Bakar, Muhammad Nasri Md Hussain, "Sharī'ah appraisal on the issue of imposing burden of proof to the entrepreneur in trust based contracts," *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 7, no.2 (2016): 148–169, <https://doi.org/10.1108/JIABR-03-2015-0009>.

## **PENUTUP**

Hasil daripada kajian ini, dapat disimpulkan dua perkara. Pertama, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* merupakan satu kaedah kajian yang digunakan oleh ilmuwan Islam terdahulu dan kontemporari untuk membandingkan pendapat fuqaha untuk memperoleh pendapat yang paling kuat dan sesuai bagi memberi solusi terhadap permasalahan yang dikaji. Kedua, kaedah *al-Fiqh al-Muqāran* menepati ciri-ciri reka bentuk kajian berteraskan Islam. Justeru, ia boleh ditonjolkan sebagai satu reka bentuk kajian yang boleh digunakan oleh penyelidik dalam kajian sains sosial berkaitan dengan Islam.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini sebahagian daripada penemuan kajian yang bertajuk Reka Bentuk Penyelidikan dalam Kaedah Penyelidikan Berasaskan Islam [(RUI)1001/CISDEV/8016060], yang dibiayai oleh geran Research University Individual (RUI), Universiti Sains Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abd Rashid, Umi Zulaikha.. *Aplikasi Istiqra' dalam Kaedah Penyelidikan Islam*. Disertasi Sarjana, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2016.
- Abdul Sami', Ahmad Imam. *Minhāj al-Ṭālib fī al-Muqāranah Bayna al-Madhāhib*. Safat: Dar al-Madar al-Islamiy, 2001.
- Abu Sulaiman, Abdul Wahhab Ibrahim. *Manhaj al-Baḥth fī al-Fiqh al-Islāmī, Khaṣā'ishu, wa Naqā'ishu, wa Tartību Mawḍū'ātihi*. al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2006.
- al-Anṣārī, Farid. *Abjadiyyat al-Baḥth fī al-'Ulūm al-Shar'iyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam, 2013.
- al-Būṭī, Sa'id Ramadhan. *Muḥāḍarāt fī al-Fiqh al-Muqāran* Damsyik: Dar al-Fikr, 1993.
- al-Duraynī, Faṭḥī. *Buḥūth Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Uṣūlihī*. Beirut: al-Muassasah al-Risalah, 2008.

- al-Jurjānī, Ali bin Muhammad. *al-Ta'rifāt*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.
- al-Khallaf, Abdul Wahhab. *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, 2002.
- al-Qawasimah, Muhammad Isa Muhammad., *al-Manhaj al-Muqāran fī al-Baḥth al-Fiqhī*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan, Kuliyyah al-Dirasat al-'Ulya, Universiti of Jordan, 2010.
- al-Rabi'ah, Abdul Aziz bin Abdul Rahman. *al-Baḥth al-'Ilmī, Haqīqatuhu wa Maṣādiruhu, wa Maddatuhu, wa Manāhijuhu, wa Kitābatuhu, wa Ṭibā'atuhu, wa Munāqashatuhu*. al-Riyadh: Maktabah al-Obaikan, 2012.
- al-Sa'id, Khalid Abd al-Aziz. *Ta'ṣīl Baḥth al-Masā'il al-Fiqhiyyah*. Al-Riyadh: Dar al-Maiman, 2016.
- al-Zuhaylī, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2011.
- Che Ibrahim, Suwaybatul Islamiyah.. *Aplikasi Kaedah Tarjih Dalam Penganalisisan Data Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Sarjana, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2017.
- Chua, Yan Piaw. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. 2nd ed. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2011.
- Cresswell, John. *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. London: Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, 2013.
- Embong, Abdul Hanis. *Aplikasi Kaedah Tafsir Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, tidak diterbitkan. Pusat Kajian Pengurusan

Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2017.

- Hanapi, Mohd Shukri dan Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar. “Pengaplikasian Kaedah Hadith al-Mawdu iy dalam Penyelidikan Berkaitan Islam.” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1, no. 3 (2016): 132–42.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i3.23>.
- Hassan, Shahir Akram and Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. “Research Design Based on Fatwa Making Process: An Exploratory Study.” *International Journal of Higher Education* 9, no. 6 (2020): 241–46.  
<https://doi.org/10.5430/ijhe.v9n6p241>.
- Hassan, Shahir Akram. “Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Berdasarkan Disiplin-Disiplin Ilmu dalam Epistemologi Islam.” Dalam *Konferensi Internasional Pembangunan Islami (KIPI 3)*, 21–23 September 2016, Universitas Jember, Indonesia, 2016.
- Ismail, Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan Ali. *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- K.Yin, Robert. *Qualitative Research from Start to Finish*. Edisi kedua. New York: The Guilford Press, 2016.
- Lebar, Othman. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017.
- Long, Ahmad Sunawari. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018.

Md Nawi, Noor Hisham dan Burhan Che Daud. *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan, 2018.

Mohamed Naim, Asmadi. Mohd Noor Habibi Hj Long, Mahyuddin Abu Bakar, and Muhammad Nasri Md Hussain. “Shar ah Appraisal on the Issue of Imposing Burden of Proof to the Entrepreneur in Trust-Based Contracts.” *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 7, no. 2 (2016): 148–69. <https://doi.org/10.1108/JIABR-03-2015-0009>.

Mohd A'tarahim, Mohd Razali., Abdilllah Hisham, Abd Wahab, and Nor Hafizi Yusof. “Perbandingan Qiraat Mutawatirah Farsh al-Huruf dan Perkaitannya dalam Perbezaan Hukum Fikah Berkaitan Ihram.” *Jurnal Hadhari* 8, no. 2 (2016): 273–85. <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0802-05>.

Mohd Kashim, Mohd Izhar Ariff., Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd al-Adib Samuri, and Salmy Edawati Yaakob. “Penentuan Ciri Negara Islam Menurut Pemikiran Empat Mazhab Fiqah (Determining the Characteristics of an Islamic Country from the Perspectives of Four Schools of Jurisprudence).” *Jurnal Hadhari: An International Journal* 4, no. 2 (2012): 89–106. <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0402-05>.

Salleh, Muhammad Syukri. “Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju.” *Pemikir* 54 (2008): 133–64.

Sukiati. “Perbandingan Mazhab sebagai Sebuah Metodologi Penelitian.” *Al-Muqaranah: Jurnal Perbandingan Hukum dan Mazhab* 3, no. 3 (2016): 39–57.

Wan Khairuldin, Wan Mohd Khairul Firdaus. *Kaedah Penyelidikan Berdasarkan Proses Pemfatwaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

Wan Khairuldin, Wan Mohd Khairul Firdaus. *Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2014.